

## **GARISPANDUAN NAMA SYARIKAT**

1. Garis panduan ini boleh digunakan untuk semua permohonan sama ada untuk pendaftaran nama untuk pemerbadanan syarikat atau pertukaran nama syarikat.

### **Keperluan asas nama syarikat**

2. Bagi tujuan memperbadankan syarikat atau menukar nama sesuatu syarikat, pengesahan ketersediaan nama yang dicadangkan dari Pendaftar mesti diperoleh terlebih dahulu.

3. Sebagai peraturan umum, Seksyen (26) sesuatu nama boleh disediakan jika nama itu bukan –

- (a) Tidak wajar atau tidak boleh diterima;
- (b) Sama dengan nama sesuatu syarikat, perbadanan atau perniagaan yang sedia ada;
- (c) Sama dengan nama yang dirizabkan di bawah Akta ini; atau
- (d) Suatu nama daripada jenis yang diarahkan oleh Menteri kepada Pendaftar supaya tidak boleh diterima bagi pendaftaran.

4. Setelah berpuas hati bahawa nama itu bukanlah satu yang boleh ditolak atas apa-apa alasan yang disebut dalam subseksyen 26 (1) dan apabila dibayar fi yang ditetapkan, Pendaftar boleh menyimpan nama itu selama

tempoh tiga puluh hari dari tarikh penyerahan permohonan atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

5. Pengesahan ketersediaan nama atau tempahan nama di bawah seksyen ini tidak dengan sendirinya melayakkan syarikat, syarikat atau syarikat asing yang didaftarkan dengan nama itu, sama ada pada asalnya atau pada pertukaran nama.

6. Tertakluk kepada Akta ini, Pendaftar tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang disebabkan oleh kesilapan atau peninggalan apa-apa sifat atau apa pun yang timbul, jika kesalahan atau peninggalan itu dibuat dengan suci hati dan dalam menjalankan tugas di seksyen ini.

### **Nama syarikat asing dan penyarannya**

7. Suatu syarikat asing hendaklah didaftarkan di bawah nama sebagaimana yang didaftarkan di tempat asalnya tertakluk kepada nama itu tersedia di bawah seksyen 26.

8. Apa-apa perubahan pada nama sesuatu syarikat asing tidak boleh didaftarkan jika nama itu tidak tersedia di bawah seksyen 26.

9. Tiada syarikat asing yang kepadanya Bahagian ini terpakai boleh menggunakan apa-apa nama di Malaysia selain nama yang di bawahnya syarikat asing itu didaftarkan di bawah Penggal ini.

10. Syarikat asing dan setiap pegawai atau ejen yang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

### **Prinsip Umum dan Ciri Nama Yang Boleh Diterima untuk Pendaftaran**

11. Prinsip berikut harus diperhatikan apabila memutuskan nama syarikat:

- (a) Penggunaan ejaan dan laras Bahasa yang betul;
- (b) Penggunaan campuran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah dibenarkan jika penggunaan adalah untuk menggambarkan jenis perniagaan dan mestilah mengikut laras bahasa yang betul;
- (c) Sekiranya nama mengandungi perkataan yang bukan dari Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, makna bagi perkataan tersebut hendaklah diberikan;
- (d) Nama-nama yang mempersendakan atau mungkin menyinggung perasaan orang ramai;
- (e) Nama yang melambangkan unsur-unsur keagamaan /kepercayaan adalah tidak dibenarkan;

- (f) Tidak terlalu umum terutama jika melibatkan penggunaan perkataan biasa (common words) atau hanya menunjukkan aktiviti contoh "Teknologi Sdn. Bhd." or "Antarabangsa Sdn. Bhd.";
- (g) Hanya nama pengarah yang dinyatakan di borang permohonan untuk pemerbadanan boleh digunakan sebagai nama syarikat. Bukti hubungan mesti diberikan jika nama individu lain dicadangkan untuk digunakan. Begitu juga, surat persetujuan mesti diperoleh dari kumpulan syarikat yang nama individunya dicadangkan;
- (h) Maksud perkataan rekaan hendaklah dinyatakan.
- (i) Penggunaan nama individu mestilah nama salah seorang pengarah atau pemilik syarikat;
- (j) Penggunaan simbol-simbol yang dibenar digunakan dalam nama syarikat terhad kepada **5 simbol** sahaja dan mestilah bersesuaian dengan penggunaannya iaitu:
  - (i) "&" (termasuk "dan", "and" dan "N")  
**Contoh :** D&T Services Sdn. Bhd.
  - (ii) "." (simbol "noktah")  
**Contoh :** Mr. John Trade Sdn. Bhd.

(iii) “-” (simbol “hyphen”).

Dibenarkan hanya untuk kata ganda atau perkataan lazim yang menggunakan *hyphen*.

**Contoh :** Kupu-Kupu Design Sdn. Bhd.

Focus Re-Engineering Sdn. Bhd.

(iv) “( )” simbol tanda kurungan

**Contoh :** ZY Advertising (2017) Sdn. Bhd.

(v) “ ’ ” (simbol “apostrophe”)

**Contoh :** Mum’s Recipe Sdn. Bhd.

12. Nama adalah bukan singkatan yang boleh dikelirukan dengan nama yang ada kaitan dengan yang berikut:

(a) Merupakan singkatan nama-nama institusi-institusi pengajian tinggi

**Contoh:**

UiTM, UTM, UM, UKM, UPM, UUM, USM, UIA, UNIMAS, UMS, UIAM, UPSI, UMT, UMP, UTEM, UNIMAP, UTHM.

(b) Merupakan nama singkatan agensi-agensi kerajaan Persekutuan atau Negeri dan Syarikat Milik Kerajaan (GLC).

**Contoh:**

SSM, CCM, JKR, JPA, JPM, BNM, KPDNKK, SEDC, PKEN, SIRIM, TNB, PNB, FELDA, FELCRA, PETRONAS, SKM, MYCC, MIDA, KWSP, LHDN, PERKESO, MARDI, RISDA.

## **NAMA YANG TIDAK DIINGINI DAN TIDAK BOLEH DITERIMA**

13. Pendaftar mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan sama ada nama tidak diingini atau tidak boleh diterima. Dalam menjalankan budi bicara itu, Pendaftar boleh menentukan bahawa nama tidak diingini atau tidak boleh diterima jika -

- (a) mengandungi perkataan yang bersifat lucah;
- (b) ia bertentangan dengan dasar awam termasuk nama yang dinyatakan dalam perenggan 3;
- (c) ia mungkin menyinggung mana-mana bahagian tertentu komuniti atau mana-mana agama tertentu; atau
- (d) Nama yang mengelirukan tentang identiti, sifat, objek atau maksud sesuatu syarikat atau dengan cara lain.

## **NAMA YANG SAMA**

14. Dalam menentukan sama ada nama syarikat adalah sama dengan yang lain, perkara berikut hendaklah diabaikan:

- (a) "The", di mana ia adalah perkataan pertama nama;
- (b) "Sendirian", "Sdn", "Berhad" dan "Bhd";

- (c) perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut di mana ia dipaparkan pada akhir nama: "syarikat", "perbadanan", "Diperbadankan", "Holding", "Group" "Malaysia";
- (d) apa-apa perkataan atau ungkapan yang, pada pendapat Pendaftar, dimaksudkan untuk mewakili apa-apa perkataan atau ungkapan dalam sub-perenggan (c);
- (e) Penggunaan kata majmuk pada nama;
- (f) Jenis dan perubahan dalam kata nama atau kata ganti, jarak antara huruf dan tanda baca; dan
- (g) simbol "&" dianggap mempunyai maksud yang sama seperti perkataan "dan".

### **NAMA YANG TIDAK DIBENARKAN DI BAWAH ARAHAN MENTERI**

15. Menteri telah mengarahkan Pendaftar untuk tidak menerima nama-nama berikut untuk pendaftaran:

- (a) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan ahli Keluarga Diraja atau naungan Diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda", "Yang/Maha Mulia".
- (b) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu jabatan Kerajaan Negeri atau Persekutuan, badan berkanun, pihak

berkuasa atau agensi kerajaan atau mana-mana majlis perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan yang lain termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri", "Nasional".

- (c) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu Kerajaan Negara ASEAN, Komanwel atau kerajaan asing atau dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun dengan mana-mana pertubuhan antarabangsa atau kartel termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC", "OPEC".
- (d) Nama-nama yang membayangkan kaitan dengan sesuatu parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan.
- (e) Nama-nama yang termasuk perkataan-perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang sama maksud dengannya :

"Amanah", "Amanah Saham", "Bank", "Bursa", "Bumiputra", "Biro", "Buatan Malaysia", "dewan Perniagaan dan Perindustrian", "Dewa Pengeluaran", "Eksekutor", "Harga Patut", "Institut", "Insurans", "Jaminan", "Jurubank", "Kewangan", "Khazanah", "Kredit", "Kolej", "Majlis", "Pengguna", "Pelaburan", "Pejabat Pendaftaran", "Pajakan", "Perdana", "Tauliah", "Tabung", "Universiti", "Urusan Bank", "Yayasan".



## **ARAHAN PERTUKARAN NAMA SYARIKAT**

16. Di bawah seksyen 29 Akta Syarikat 2016, Pendaftar mempunyai kuasa untuk mengarahkan syarikat untuk menukar namanya jika dia percaya atas sebab yang munasabah bahawa suatu nama di mana syarikat itu didaftarkan tidak seharusnya didaftarkan.

17. Setelah menerima notis sedemikian, suatu syarikat diberi tempoh enam puluh hari, atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar, untuk mematuhi arahan itu. Jika syarikat tidak mematuhi arahan itu, Pendaftar mempunyai kuasa untuk menukar nama syarikat itu kepada nombor pendaftaran syarikat atau apa-apa ungkapan yang diberikan oleh Pendaftar.

## **RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENDAFTAR**

18. Sekiranya seseorang pemohon atau penganjur sesuatu syarikat terkilan dengan keputusan Pendaftar dalam mengesahkan adanya suatu nama, dia boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri.

19. Rayuan kepada Menteri mesti menyatakan alasan dan justifikasi untuk penggunaan nama, bersama dengan yuran permohonan sebanyak RM300.

## **PENDAFTAR SYARIKAT**

### **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

**31 Januari 2017**